

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN**

**(BUKIT KATIL)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2016**

**Y.B. TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci perancangan dan strategi yang akan dilaksanakan Kerajaan sekiranya hasil Perbendaharaan Negara melalui Akaun Kewangan disatukan tidak mampu mencapai sasaran peruntukan belanjawan sebanyak RM258.2 bilion daripada peruntukan asal belanjawan 2016 sebanyak RM267.2 bilion akibat daripada kejatuhan berterusan minyak mentah Brend di pasaran.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pengubahsuaian Bajet 2016 dilaksanakan mengambil kira perkembangan semasa ekonomi global dan unjuran purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah dan realistik, iaitu antara USD30 hingga USD35 setong berbanding USD48 sewaktu Bajet 2016 dibentangkan. Penetapan ini adalah selari dengan unjuran yang dibuat oleh badan-badan antarabangsa dan penganalisis ekonomi termasuk US Energy Information Administration (EIA), Bloomberg, Bank Dunia (WB) dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Selaras penurunan hasil berikutan andaian harga minyak yang lebih rendah, Kerajaan telah mengurangkan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM4 bilion masing-masing, menjadikan jumlah Peruntukan Dipinda 2016 kepada RM259.2 bilion berbanding Peruntukan Asal sebanyak RM267.2 bilion.

Kerajaan akan melaksanakan *contingency plan* sekiranya harga minyak mentah mengalami kejatuhan sehingga di bawah paras purata USD30 setong secara konsisten pada tahun ini. Inisiatif tersebut akan mengambil kira jumlah pengurangan hasil daripada kejatuhan harga minyak. Kerajaan akan bersama dengan semua kementerian untuk meneliti pengurangan

peruntukan program dan aktiviti mengikut keutamaan supaya tidak menjejaskan rakyat dan akan meminimakan pengurangan terhadap program yang bersifat *people centric*.

Di samping itu, Kerajaan juga telah mengambil kira unjuran hasil dengan meningkatkan pendapatan pada tahun ini. Antaranya, melaksanakan pematuhan dan pengauditan ke atas pembayar cukai, menstruktur semula saluran jualan rokok dan minuman keras serta mengetatkan pengecualian cukai kenderaan import di Pulau Bebas Cukai dan mengoptimumkan pendapatan daripada spektrum telekomunikasi.

Walau bagaimanapun, trend pergerakan harga minyak semakin menunjukkan peningkatan sejak kebelakangan ini. Namun, Kerajaan akan terus memantau perkembangan ekonomi semasa dan pergerakan harga minyak mentah dunia serta akan mengambil langkah yang bersesuaian sekiranya perlu bagi memastikan kedudukan fiskal dan kewangan negara kekal kukuh.